

## Apabila Sistem Honda SMART Key Tidak Berfungsi Dengan Betul

Jikalau sistem Honda SMART Key tidak berfungsi dengan betul, lakukan perkara berikut.

- Periksa bahawa sistem Honda SMART Key telah diaktifkan.

Tekan butang ON/OFF pada Honda SMART Key dengan perlahan-lahan.

Jika LED pada Honda SMART Key adalah berwarna merah, hidupkan sistem Honda SMART Key bagi untuk pengaktifan. ➤ MS. 33

Jika LED pada Honda SMART Key tidak memberi sebarang tindak balas, gantikan bateri Honda SMART Key.

- Periksa bahawa tidak terdapat kegagalan komunikasi dalam sistem Honda SMART Key. Sistem Honda SMART Key menggunakan gelombang radio intensiti rendah. Sistem Honda SMART Key mungkin tidak berfungsi dengan betul dalam persekitaran berikut:
  - ▶ Apabila terdapat kemudahan berdekatan yang menjana gelombang radio atau bunyi yang kuat seperti menara TV, stesen janakuasa, stesen radio atau lapangan terbang.
  - ▶ Apabila anda membawa Honda SMART Key bersama komputer riba atau peranti komunikasi wayarles seperti radio atau telefon bimbit.
  - ▶ Apabila Honda SMART Key bersentuhan dengan atau ditutupi oleh objek logam.